



PANDUAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BAGI PELAJAR UTM YANG MENJALANI LATIHAN INDUSTRI

Panduan ini dikeluarkan dengan merujuk kepada:

- i. Perutusan Khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan;
- ii. FAQ Majlis Keselamatan Negara (MKN);
- iii. Pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA);
- iv. Garis Panduan Pengendalian Isu Berhubung Penularan Wabak Covid-19 Bagi Universiti Awam (UA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) Mulai 18 Mac hingga 31 Mac 2020;
- v. Panduan Pelaksanaan Kawalan Pergerakan Universiti Teknologi Malaysia; dan
- vi. Garis Panduan Latihan Industri Universiti Teknologi Malaysia.

1. LATIHAN INDUSTRI SEMASA PERLAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Semua pelajar UTM yang terlibat dengan latihan industri di organisai semasa Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan adalah tertakluk kepada pekeling dan panduan yang telah dinyatakan di atas.

2. PELAJAR YANG MENGIKUTI LATIHAN INDUSTRI

- 2.1 Pelajar yang sedang menjalani latihan industri **hendaklah mematuhi arahan** yang dikeluarkan oleh **pihak majikan** selagi tidak bercanggah dengan **Perintah Kawalan Pergerakan**.
- 2.2 Arahan pematuhan bekerja dari rumah yang dikeluarkan oleh majikan mulai 18 hingga 31 Mac 2020 hendaklah dipatuhi oleh pelajar selaras dengan **Panduan Khas Bekerja Dari Rumah Berkuatkuasa Dengan Perintah Kawalan Pergerakan Mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 Bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967**.
- 2.3 Sekiranya pelajar memohon cuti dalam tempoh arahan bekerja dari rumah yang dikeluarkan oleh majikan kerana **kesulitan menjalankan tugas**, pertimbangan haruslah diberikan oleh majikan untuk meluluskan permohonan cuti tersebut. Namun begitu, **gantian hari** adalah dimestikan mengikut bilangan hari bercuti dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.
- 2.4 Sekiranya terdapat **perlanggaran pematuhan** oleh organisasi, tindakan segera perlu diambil oleh pelajar dengan memaklumkan kepada **Penyelia Industri** dan **Penyelia Latihan Industri Universiti** untuk tindakan selanjutnya.
- 2.5 Sekiranya pelajar khuatir untuk bekerja apabila majikan didapati melanggar pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan, **permohonan cuti adalah dibenarkan** dan **gantian hari** adalah dimestikan mengikut bilangan hari bercuti dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.
- 2.6 Pelajar hendaklah **melaporkan kerja** yang dilaksanakan dalam buku laporan harian latihan industri **melalui sistem** yang telah disediakan.
- 2.7 **Gantian hari adalah tidak diperlukan** sekiranya arahan tidak bekerja diwajibkan oleh pihak majikan.
- 2.8 Penilaian latihan industri adalah seperti yang diamalkan dan dinilai oleh Penyelia Industri dan Penyelia Latihan Industri Universiti. Penilaian dalam

talian perlu dilaksanakan sekiranya tempoh **Perintah Kawalan Pergerakan dilanjutkan** oleh Kerajaan Malaysia.

- 2.9 Pelajar hendaklah **melaporkan status** mereka kepada **Penyelia Latihan Industri Universiti** yang telah dilantik bagi tujuan pemantauan.

3. PENYELIA LATIHAN INDUSTRI UNIVERSITI

- 3.1 Penyelia Latihan Industri Universiti yang telah dilantik hendaklah memastikan pelajar seliaan mereka berada dalam pemantauan.
- 3.2 Penyelia Latihan Industri Universiti hendaklah memaklumkan kepada Fakulti atau Sekolah sekiranya berlaku **ketidakpatuhan** Perintah Kawalan Pergerakan oleh majikan untuk tindakan Universiti mengikut Garis Panduan Latihan Industri UTM dan Peraturan Akademik UTM.
- 3.3 Penyelia Latihan Industri Universiti tidak dibenarkan untuk mengadakan lawatan sekiranya **tempoh kawalan dilanjutkan** oleh Kerajaan Malaysia dan penilaian hendaklah dilakukan secara dalam talian.

4. SEBARAN MAKLUMAT RASMI UTM

Semua pelajar dinasihatkan untuk sentiasa menyemak status terkini perkembangan penularan wabak Covid-19 melalui saluran rasmi berikut:

- 4.1 Email UTM

- 4.2 UTM Community Facebook:

<https://www.facebook.com/groups/utmcommunity/>

- 4.3 Website: <https://www.utm.my/covid19/>

atau menghubungi Talian Hotline UTM Covid-19 seperti berikut:

UTMJB : 010-800 1337 atau 011-3334 0646

UTMKL : 016-7962100